

**Krisis Pas Kedah: Pas Pusat campur tangan  
Utusan Online  
Februari 28, 2012**

KUALA LUMPUR 27 Feb. - Krisis kepimpinan Pas Kedah yang semakin meruncing memaksa Pas pusat campur tangan bagi mengelakkan situasi lebih buruk selepas dua Exco kanannya, Datuk Phahrolrazi Zawawi dan Datuk Dr. Ismail Salleh mengambil keputusan enggan dilantik semula menganggotai kepimpinan negeri.

Setiausaha Agung Pas, Datuk Mustafa Ali berkata, parti itu akan menghantar Naib Presiden Pas, Salahuddin Ayub ke Kedah esok bertemu dengan pihak-pihak berkaitan bagi mencari satu jalan penyelesaian terbaik.

Katanya, sebagai wakil khas parti, antara misi utama Salahuddin ialah memastikan kedua-dua exco kanan tersebut kekal di dalam kepimpinan kerajaan negeri yang diterajui oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak.

"Kami yakin semua Exco termasuk dua orang yang mahu meletakkan jawatan akan menganggotai semula barisan kepimpinan negeri. Cuma di peringkat ini Pas pusat perlu memainkan peranan supaya apa yang kita hasratkan ini tercapai.

"Malah, Datuk Seri Azizan ketika bertemu dengan Presiden, Datuk Seri Abdul Hadi Awang pada 17 Februari lalu telah menyatakan komitmen bahawa beliau mahu mengekalkan semua Exconya berjumlah 10 orang," katanya di ibu pejabat Pas di sini hari ini.

Sidang media itu diadakan berikutan konflik yang berlaku di dalam pentadbiran kerajaan Pas Kedah apabila Phahrolrazi dan Dr. Ismail dikatakan menghantar surat kepada Azizan menyatakan keengganan mereka dilantik semula sebagai exco.

Malah *Utusan Malaysia* turut menerima salinan surat penolakan cadangan pelantikan Phahrolrazi dan Dr. Ismail sebagai exco. Di dalam surat berkenaan turut dinyatakan mereka tidak akan hadir pada dalam majlis angkat sumpah yang akan diadakan esok.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0228&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0228&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm)